

AMDI MAGAZINE

Vol3

issue 1, 2022

e-ISSN

2735-041X



Expert Column
Achievement

Collaboration

MedTalks

Products and Services

Community

Publication





#KOMPLEKS PENYELIDIKAN KLINIKAL
INSTITUT PERUBATAN & PERGIGIAN TERMAJU

Foreword

Booker T. Washington once said,
"You measure the size of the accomplishment by the obstacles you have to overcome to reach your goals."

It has been a year since I was made Director of AMDI and from my observation, it is indeed true that AMDI has accomplish many great things as we overcome the many obstacles that was presented to us over during that time. One may even add that these have been huge accomplishments done by none other than the staff members here in AMDI who have strived hard to make this world a better place. It is truly a privilege for me to be the one who writes the opening statement for this newsletter, that in its many compilation of stories, highlight the achievements and accomplishments that AMDI has done within a short time frame. We need to be cognizant to the fact that this newsletter would not only be a source of latest update to its readers, but will serve to be a document that many would look back and remember of the many struggles done by the staff here in AMDI to propel this institute forward, despite the financial and political challenges of the present time. Hence, the reason why I am quite exciting to see this issue released and archived. Whilst having mentioned this as if AMDI has reached its pinnacle of achievement, the truth is that AMDI is merely beginning to rise from the ashes. From its humble beginnings of a few shop lots linked together by brick and mortar, AMDI is now transforming itself into a giant with its many new developments such as the renewed cancer treatment initiative, its novel directed research programs, the announcement of the new hospital and many more. I envision a strong future for this institute and remain buoyant that this institute will continue to strive for excellence. AMDI is here to progress further; it will not halt and will not be deterred with the obstacles ahead. Seeing the spirit and tenacity of its workforce, I am confident that this effort and movement would remain strong and in line with the planned strategic plan blue print for many years to come. I would like to thank the committee for compiling these stories to remind us of the achievements made, and to ensure that we are reminded of the great things we can do for USM if we continue to work together towards a common goal, InsyaAllah. May Allah grant us the will and guidance to achieve greater things in the near future. Ameen.



ADVISOR

**YM Profesor Dr. Tunku Kamarul
 Zaman Tunku Zainol Abidin,
 FASc
 (AMDI Director)**

01 ACHIEVEMENT

- Program Penyelidikan Translasi IPPT Seajar Melestarikan Agenda Penyelidikan, Demi Kecemerlangan Universiti Dan Negara.
- Sekalung Tahniah – Perpustakaan IPPT Pemenang Tempat Ketiga Pertandingan SDG Perpustakaan Akademik
- Sekalung Tahniah – Perpustakaan IPPT Pemenang Hadiah Malaysia Invention & Innovation Expo 2022
- Realiti Maya Tiga Dimensi Di Perpustakaan Akademik: USM Mendepani Kemajuan Teknologi Dalam Revolusi Pendidikan Alaf Baru
- IPPT USM Dijenamakan Kepada Pusat Perubatan USM; Turut Jadi Akademi Braki Pertama Di Malaysia
- Rawatan HyBIRT elak pemotongan lidah
- Tahniah – Lantikan Sebagai Profesor Adjung
- Khidmat Rehabilitasi Robotik 'Hybrid Assistive Limb' (HAL) Cyberdyne Kini Berada Di IPPT
- USMFIT Rencana Lebih Banyak Aktiviti Pada 2022
- Congratulations on Your Appointment!
- Congratulations to All AMDI Graduates!
- Tahniah Kepada Penerima Geran (Januari - Jun 2022)!

12 COLLABORATION

- USM And CMUH Taiwan Signed MoU To Promote Academic Exchange
- IPPT USM Dan MYPOPI Berkolaborasi Di Bengkel Latihan SCIG

13 COMMUNITY

- Klinik Neuro-Robotics & Cybernics Jalanan Usahasama USM Dan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO)
- IPPT USM Lancar Tabung Paliatif Di Majlis Jamuan Hari Raya IPPT
- Jom Kenali IPPT, Agar Lebih Dekat Di Hati

17 AMDI STUDENT ASSOCIATION (ASA) ACTIVITIES

- Open Day
- IFTAR with ASA
- Game of Bowling
- Environmental Awareness

TABLE OF CONTENTS

21 EXPERT COLUMN

- Anak Lewat Bercakap: Bila Perlu Risau?
- Suplemen COVID-19: Sejauh Mana Kebenaran Itu
- Diabetes dan Mitos
- Dua Jenis DNA Dalam Badan Manusia
- Venetoclax Merencat Phosphorilasi Oksidatif Dan Menghapus Sel Stem Leukemia Myeloid Akut
- Pesan-pesan pernikahan: Keperluan saringan Talasemia pra-perkahwinan
- Cabaran Psikososial kanak-kanak Talasemia
- Mindfulness In The Workplace
- Pintu Rahim: Menyerah Atau Terserah
- Masalah Pembelajaran Spesifik (Disleksia, Diskalkulia, Disgrafia): Apa Yang Perlu Anda Tahu?
- Pendekatan transdisiplinari analisis jaringan sosial: Potensi sumbangan dalam pengurusan pengesanan kes Tuberkulosis (TB) di lapangan
- Sakit Lutut - Adakah Anda Mengalami Radang Sendi (Osteoarthritis)?

34 PUBLICATION

- List of Citation Indexed Journal (January - June 2022)

39 SPECIAL FEATURES

- AMDI Events and Activities
- MedTalks@AMDI
- AMDI Products and Services
- AlumniTalks
- Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) 2021 - USM
- Senarai Pesara IPPT

Achievement

Program Penyelidikan Translational IPPT Seajar Melestarikan Agenda Penyelidikan, Demi Kecemerlangan Universiti Dan Negara

IPPT BERTAM, Jun 23 2022 -

Usaha terus dilaksanakan dalam mentransformasikan penyelidikan, sejajar dengan matlamat merealisasikan Universiti Sains Malaysia (USM) sebagai pemacu dalam bidang penyelidikan yang berkualiti dan memberi impak kepada negara dan masyarakat.

Itulah di antara tujuan diadakan Majlis Perasmian Penyelidikan IPPT yang telah berlangsung di Dewan Auditorium Sains@BERTAM, Institut Perubatan Dan Pergigian Termaju (IPPT) USM.

Program perasmian ini telah disempurnakan oleh YBhg Profesor Dato' Dr. Faisal Rafiq Mahamd Adikan, Naib Canselor USM, dan saksikan oleh Profesor Dr. Tunku Kamarul Zaman Tunku Zainol Abidin, Pengarah Institut Perubatan dan Pergigian Termaju (IPPT).

Sesi penyampaian watak telah diberikan kepada empat program penyelidikan tuhan IPPT yang berjaya dinobatkan sebagai Program Penyelidikan IPPT, dimana keempat-empat program penyelidikan adalah bidang tuhan utama ini berimpak tinggi.

Ketua program penyelidikan yang pertama, Dr. Ng Siew Kit dengan program yang bertajuk Emerging Infectious Disease: Preparation for Disease X, ketua program penyelidikan kedua, Dr. Mohd Syahir Mansor dengan program bertajuk: Advanced Management of Liver Malignancies.

Seterusnya, ketua penyelidikan yang ketiga, Dr. Mohammad Farris Iman Leong Bin Abdullah dengan program bertajuk: Dementia Multidisciplinary Research Program of IPPT (DMR-IPPT) dan yang terakhir, ketua penyelidikan Prof. Madya Dr. Badrul Hisham Yahaya dengan program bertajuk: Breast Cancer Translational Research Program at IPPT (BCTRP@IPPT).

Aktiviti penyelidikan dalam bidang perubatan, pergigian dan kesihatan ini yang telah dijalankan di IPPT sejak tahun 2002 lagi, diharap dapat menghasilkan serta melahirkan modal insan pakar dan saintis dalam bidang perubatan dan pergigian dengan mewujudkan penemuan baharu yang akan memberi manfaat kepada komuniti, masyarakat dan negara.



Naib Canselor Profesor Dato' Dr. Faisal Rafiq Mahamd Adikan bersama 4 penyelidik dan Profesor Dr. Tunku Kamarul Zaman Pengarah IPPT dan Prof Madya Dr. Hasni Arsad

Penyelidikan ini memastikan output mentransformasikan penyelidikan IPPT kepada Pembangunan Program Penyelidikan IPPT yang bersifat translational (Translational Research Initiative) dalam usaha mewujudkan bidang penyelidikan tuhan IPPT pada masa hadapan.

Seramai sembilan kumpulan penyelidik telah mengambil bahagian dalam mengemukakan kertas kerja serta melalui proses penilaian yang ketat

di USM dan hanya empat program penyelidikan yang terpilih diperakukan di IPPT.

Bagi memulakan program penyelidikan ini, USM telah menempatkan dana seed fund sejumlah RM850,000.00 pada tahun pertama dan penyelidikan ini akan memakan belanja beberapa juta untuk tempoh 15 tahun ini, di mana program ini bukan sahaja disokong oleh USM tetapi juga agensi kerajaan lain, industri luar dan juga badan NGO.



SEKALUNG TAHNIAH – PERPUSTAKAAN IPPT PEMENANG TEMPAT KETIGA PERTANDINGAN SDG PERPUSTAKAAN AKADEMIK

IPPT, BERTAM, Jun 7 2022 -

Tahniah diucapkan kepada Perpustakaan IPPT, USM yang berjaya memenangi tempat ketiga dan menerima wang tunai berjumlah RM500 dalam Pertandingan SDG Perpustakaan Akademik 2022 anjuran Jawatankuasa Tetap Perpustakaan Akademik (JKTA) di bawah Persatuan Pustakawan Malaysia yang melabuhkan tirainya pada 7 Jun 2022 yang lalu.

Dalam pertandingan ini, Perpustakaan IPPT telah menghantar penyertaan bagi projek inovasi yang bertajuk AMDI Newsletter : utilisasi makalah multimedia interaktif bagi mendokong matlamat kelestarian. AMDI Newsletter adalah projek yang telah dicadangkan dan dibangunkan pada tahun 2020 dan masih digunakan secara komprehensif sehingga kini. AMDI Newsletter telah menjadi sebuah platform elektronik bagi capaian maklumat mengenai IPPT dengan lebih kreatif dan inovatif. Platform ini memberikan pelbagai info yang boleh dimanfaatkan untuk tujuan penyelidikan dan pendidikan.

Menurut Ketua Projek, Puan Hasniza Amno, universiti sebagai peneraju ilmu memainkan peranan menerapkan pendidikan berkenaan pembangunan lestari dalam kalangan warga universiti dan masyarakat. Menyedari bahawa abad ke-21 boleh melebarkan lagi “jurang ekonomi” menjadi “jurang pengetahuan”, maka Perpustakaan IPPT menggunakan platform ini bagi menyebarkan berita, maklumat umum dan maklumat kesihatan kepada pelajar, staf dan komuniti di sekitar kami dan para pesakit secara melalui makalah elektronik multimedia yang menarik, interaktif dan percuma. Untuk menjadikan masyarakat lebih bermaklumat, keupayaan untuk mengakses maklumat terkini harus dipertingkatkan terutama penggunaan ICT. Dengan teknologi seperti peralatan komunikasi mudah alih, maklumat terkini boleh diakses lebih mudah, berkesan dan pantas. Pelaksanaan AMDI Newsletter berkait rapat dengan tiga domain SDG: SDG 3 - Kesihatan Kesejahteraan Hidup; SDG 4 - Pendidikan Berkualiti; SDG 17 – Usaha dan Mencapai Matlamat

Syabas diucapkan! Semoga pengiktirafan ini dapat menjadi inspirasi untuk pencapaian yang lebih baik di masa akan datang.



Perpustakaan berperanan sebagai ejen perubahan berkaitan pembangunan lestari.

Perpustakaan IPPT telah menjadikan peluang yang ada pada ledakan ICT bagi memudahkan penyebaran maklumat dan inovatif. Platform ini memberikan pelbagai info yang boleh dimanfaatkan untuk tujuan penyelidikan dan pendidikan.

Sekalung Tahniah – Perpustakaan IPPT Pemenang Hadiah Malaysia Invention & Innovation Expo (MIIX) 2022

IPPT, BERTAM, May 28 2022 -

Tahniah diucapkan kepada Perpustakaan IPPT, USM yang berjaya menempatkan diri dalam senarai pemenang Malaysia Invention & Innovation Expo (MIIX) 2022 anjuran Laman Teknologi Sdn Bhd & RR T yang melabuhkan tirainya pada 28 April 2022 yang lalu.

Dalam pertandingan ini, Perpustakaan IPPT telah menghantar 2 penyertaan bagi projek inovasi pembangunan sistem dalaman atas talian “ONSS: An Innovation Online News Submission System” dan “Innovating on Interlibrary Loan and Document Delivery Services”. Kedua-dua projek inovasi ini telah memenangi pingat perak bagi kategori Senior Innovator.



Tujuan sistem ini dibangunkan adalah bagi mencipta inovasi yang berlainan dalam perkhidmatan perpustakaan kearah memberikan perkhidmatan yang berimpak tinggi kepada pengguna.

REALITI MAYA TIGA DIMENSI DI PERPUSTAKAAN AKADEMIK: USM MENDEPANI KEMAJUAN TEKNOLOGI DALAM REVOLUSI PENDIDIKAN ALAF BARU

IPPT, BERTAM, April 28 2022 -

Institut Perubatan dan Pergigian Termaju (IPPT) Universiti Sains Malaysia (USM) Bertam di sini telah melancarkan Majlis Perasmian Metaverse Space Library@IPPT antara perintis terawal Perpustakaan di Malaysia.

Menurut Naib Canselor USM, Profesor Datuk Dr Faisal Rafiq Mahamd Adikan dalam satu kenyataan, konsep Metaverse mempunyai potensi yang sangat luas. Dalam aspek pendidikan, Metaverse boleh menjadi platform pembelajaran dan pengajaran yang merangkumi semua maklumat dan hiburan bersepadu dalam dunia virtual tiga dimensi. Untuk memasuki dunia Metaverse, setiap orang memerlukan peranti khusus seperti set kepala realiti maya (VR set).

Menurut Puan Hasniza Amno, ketua projek ini, di Perpustakaan USM, projek Metaverse Space Library@IPPT yang telah diterajui oleh Perpustakaan IPPT adalah untuk memberi perkhidmatan yang berimpak tinggi dan berlainan dari perkhidmatan konvensional sedia ada melalui platform realiti maya tiga dimensi yang lebih kreatif dan inovatif. Ia juga merupakan sebahagian daripada pelaksanaan konsep edutainment di dalam perpustakaan bagi mewujudkan persekitaran pembelajaran imersif di mana pelajar berada dalam satu suasana pembelajaran yang interaktif secara virtual.



Faisal Rafiq menggunakan peralatan Metaverse Space Library@IPPT di IPPT USM selepas melancarkan konsep tersebut di IPPT Bertam semalam. Turut kelihatan, Hasniza (kanan) – Foto BERNAMA

USM FAISAL RAFIQ MAHAMD ADIKAN DALAM SATU KENYATAAN MENYATAKAN, PERPUSTAKAAN IPPT DENGAN KERJASAMA BAHAGIAN IT@AMD TELAH MEMBANGUNKAN SEBUAH SISTEM DALAMAN ATAS TALIAN YANG DIKENALI SEBAGAI VR DISCOVERY YANG MERUPAKAN SISTEM PENGURUSAN DATA 3D (VR DISCOVERY) DI MANA IA DAPAT MEMBUAT TRANSFORMASI BAHAN SUMBER MAKLUMAT PERPUSTAKAAN SEPERTI BAHAN BERBENTUK IMEJ, MODEL ANATOMI, BUKU ELEKTRONIK, DOKUMEN DAN LAIN-LAIN DALAM FORMAT TIGA DIMENSI (3D).

SAMBUNGAN...

Bahan sumber maklumat tersebut kemudiannya dipaparkan secara automatik ke dalam web portal yang dinamakan GoVR untuk capaian maklumat berformatkan tiga dimensi (3D) yang lebih interaktif oleh pengguna. Seterusnya, keunikan projek ini adalah dengan meneroka dan membawa dunia realiti maya kepada web portal GoVR menggunakan set kepala (Headset). Inisiatif ini dikenali sebagai WebVR. WebVR adalah bertujuan untuk membolehkan pengguna Perpustakaan mengalami kehebatan teknologi imersif realiti maya dalam capaian bahan sumber maklumat Perpustakaan dan dengan yang demikian, meningkatkan lagi kualiti dan keberkesanan pengajaran dan latihan yang dilakukan di institut ini.

Pengarah IPPT, Professor Dr. Tunku Kamarul Zaman Tunku Zainol Abidin menegaskan bahawa kejayaan ini menjadikan USM sebagai universiti pertama yang mendepani dan beradaptasi terhadap teknologi realiti maya tiga dimensi. Dan ia adalah masa depan untuk memacu inovasi dalam bidang pendidikan di Malaysia.



Naib Canselor USM, Professor Dato' Dr. Faisal Rafiq Mahamd Adikan bersama Pengarah IPPT, Pemangku Ketua Pustakawan USM dan Staf Perpustakaan IPPT

Achievement

IPPT USM Dijenamakan Kepada Pusat Perubatan USM; Turut Jadi Akademi Braki Pertama Di Malaysia

IPPT BERTAM, April 22 2022 -

Teknologi yang lebih maju serta perancangan yang begitu teliti adalah kunci kepada Universiti Sains Malaysia untuk terus berada di hadapan.

Ia telah dibuktikan melalui sebuah pengumuman mengenai Institut Perubatan dan Pergigian Termaju (IPPT) USM di Bertam yang akan dijenamakan sebagai 'Pusat Perubatan USM' menjelang Jun ini.

"Penjenamaan itu secara tidak langsung menjadikan pusat rujukan kanser itu setanding dengan hospital lain di negara ini."

Naib Canselor USM, Profesor Datuk Dr Faisal Rafiq Mahamd Adikan turut berkata, ketika ini IPPT menjadi satu-satunya pusat rujukan kanser wilayah utara di bawah Kementerian Pengajian Tinggi yang menawarkan perkhidmatan rawatan kanser dan perubatan nuklear terapeutik serta diagnostik.

Tambah beliau, penjenamaan ini akan memberitahu orang ramai tentang adanya sebuah pusat perubatan yang berfungsi sebagai hospital di kawasan ini.

Selain itu, usaha yang sedang dilakukan ini telah mendapat sokongan Hospital Universiti Sains Malaysia (HUSM) Kelantan," katanya selepas Majlis Pelancaran Rasmi IPPT USM sebagai Pusat Latihan dan Penyelidikan Antarabangsa BrachyAcademy, minggu lalu.

Mengulas lanjut, Faisal Rafiq berkata, pihak USM juga perlu menaiktaraf fasiliti dan kemudahan yang terdapat di pusat perubatan itu supaya selari dengan usaha penjenamaan yang sedang dilakukan itu.

"Kita berharap akan memperoleh peruntukan daripada RMK (Rancangan Malaysia ke-12) dan menjelang 2024 atau 2025 kita boleh



"IPPT diberi mandat untuk menjadi akademi braki yang pertama di Malaysia, antara kesan hasil mandat tersebut, kita akan melatih doktor dalam bidang brakiterapi, serta lebih ramai pesakit yang akan datang ke sini, bukan sahaja dari Malaysia malah luar negara juga," katanya.

membuka pusat perubatan ini dengan perkhidmatan lengkap," katanya.

Sementara itu, Faisal Rafiq berkata, IPPT juga secara rasminya mendapat pengiktirafan sebagai Pusat Latihan dan Penyelidikan Antarabangsa BrachyAcademy di Malaysia.

Ia menjadi satu-satunya institusi pendidikan di negara ini yang menerima pengiktirafan dunia apabila menawarkan

perkhidmatan untuk rawatan kanser ginekologi, hati, kepala dan leher, prostat dan esofagus, dengan pengkhususan khas pada kanser hati primer dan sekunder.

Turut hadir, Pengarah IPPT, Dr Tunku Kamarol Zaman Tunku Zainal Abidin dan Pengurus Pemasaran Klinikal Brachytherapy Solutions Wilayah Asia Pacific, Ulrich Krumme.



Rawatan HyBIRT Elak Pemotongan Lidah

IPPT BERTAM, Mac 31 2022 -

Kaedah rawatan brakiterapi merupakan salah satu kaedah alternatif untuk merawat kanser lidah.

Pakar Perunding Otorinolaringologi-pembedahan kepala dan leher (ORL-HNS) Institut Perubatan dan Pergigian Termaju (IPPT) Universiti Sains Malaysia (USM) Kampus Bertam, Dr. Muhamad Yusri Musa berkata, kaedah berkenaan sesuai untuk pesakit yang sama ada enggan menjalani pembedahan pemotongan lidah (glossectomy) atau terdapat kontra indikasi untuk kaedah pembedahan.

"Kes kanser lidah pertama saya kendalikan menggunakan dengan kaedah brakiterapi ialah kepada pesakit yang kebetulan pada waktu itu tidak boleh dibedah dan tidak sesuai menjalani external radiotherapy.

"Pada masa itu saya menerima saranan daripada Pakar Radioterapi dan Onkologi, Dr. A. Gokula Kumar serta beberapa pakar berkaitan di IPPT USM Kampus Bertam

untuk menggunakan teknik Brachytherapy.

"Teknik itu dilihat memberikan perkembangan positif ke atas pesakit yang dirawat," katanya ketika ditemui di IPPT USM Kampus Bertam, di sini baru-baru ini.

Teknik brakiterapi untuk kanser kepala dan leher sudah lama diperkenalkan di negara luar seperti Jepun, Itali dan India.

Teknik brakiterapi moden dengan sedikit modifikasi mula dilakukan di Malaysia pada 2016 di IPPT seterusnya berkembang kepada teknik HyBIRT.

Selepas melihat perubahan positif ke atas beberapa pesakit yang menjalani rawatan brakiterapi, beliau bersama Dr. Gokulakumar dan Dr. Mohd Zahri

(pakar fizik perubatan) cuba menambah baik teknik rawatan tersebut, menggunakan teknik modifikasi yang dilakukan terhadap dua kaedah rawatan kanser lidah sedia ada iaitu radioterapi eksternal secara Intensity Modulated Radiotherapy (IMRT) dan Brachytherapy sehingga tercetusnya

kaedah HyBIRT.

Mengulas mengenai beza antara IMRT dengan HyBIRT, Dr. Muhamad Yusri berkata, IMRT melibatkan radioterapi luaran kepada pesakit kanser lidah dengan dos terapi yang terhad kerana sumber radioaktif akan melalui semua kawasan kanser dan juga bukan kanser termasuk kulit dan sebagainya.

Sebaliknya melalui HyBIRT, pakar perubatan boleh memberi dos yang lebih tinggi sedikit yang akan diberikan kepada kawasan kanser. Kemudian diikuti dengan

dos standard melalui kaedah IMRT, bermaksud gabungan teknik brakiterapi dan IMRT melalui kaedah HyBIRT.

BUKAAN KECIL SAHAJA

Proses pembedahan kecil di kawasan leher (di bawah dagu) pesakit masih diperlukan bagi memasukkan Brachytherapy applicator. Kaedah itu membolehkan pakar perubatan merancang di mana sumber radioaktif boleh dilepaskan tanpa memberi kesan ke atas bahagian yang tiada kanser.

Dr. Muhamad Yusri menjelaskan, apabila dos lebih tinggi diberikan kepada pesakit dengan tepat, ia berkemungkinan akan menyebabkan lebih banyak sel kanser dapat dihapuskan sekaligus meningkatkan potensi kesembuhan pesakit kanser.

"Daripada 14 orang pesakit yang menggunakan rawatan ini dan telah diperiksa semula selepas rawatan melalui pengesanan Magnetic Resonance Imaging (MRI), 13 daripadanya sembuh sepenuhnya," katanya.

Berhubung kos rawatan, Dr. Muhamad Yusri berkata, ia banyak bergantung kepada jumlah Brachytherapy applicator digunakan sepanjang prosedur berlangsung.

"Satu applikator berharga sekitar RM2,000. Jika pesakit perlukan 10 applicator maka kos minimum adalah lebih kurang RM20,000," katanya. Kos mungkin berubah mengikut situasi berbeza setiap pesakit.

"Saya rasa bagaikan orang baharu. Tak sangka kejayaan pasukan perubatan IPPT USM Kampus Bertam membantu mengembalikan fungsi lidah saya," kata Muhammad Firdaus Sultan Kaaber, 30. Bekas pesakit kanser lidah ini menjalankan rawatan HyBIRT yang dijalani pada tahun lepas.

Bercerita mengenai bagaimana dia melalui rawatan itu, katanya pada Mac 2021, dia mendapatkan rawatan di sebuah hospital di Kelantan berikutan mengalami sakit ulser dalam mulut yang berlarutan. Selepas melakukan ujian biopsi hospital mengesahkan bahawa dia menghidap kanser lidah.

"Prosedur yang ditawarkan ketika itu ialah melalui pembedahan memotong lidah. Saya kalau boleh memang tidak mahu melakukannya," katanya.

Anak ketiga daripada empat beradik ini memberitahu, disebabkan tidak mahu menjalani prosedur berkenaan, dia mencari alternatif lain dengan membuat pencarian di internet mengenai rawatan kanser lidah sehinggalah menjumpai rawatan dengan kaedah HyBIRT di IPPT USM Kampus Bertam.

"Sewaktu pertama kali bertemu dengan Dr. Yusri dan Dr. Gokula, mereka memberitahu bahawa tahap kanser saya alami itu sebenarnya masih boleh dirawat dengan kaedah lain jika tidak mahu dibedah.

"Apa yang perlu saya lakukan ialah menjalani rawatan HyBIRT yang memakan masa kira-kira 40 hari. Tempoh berkenaan termasuk rawatan kimoterapi, rawatan lain dan tempoh berehat," katanya.

Muhammad Firdaus menjelaskan dalam tempoh sekarang, dia hanya perlu mendapatkan rawatan susulan dua bulan sekali (sebulan sekali untuk tahun pertama) bagi memastikan tiada kesan sampingan yang serius atau kemungkinan kewujudan sel kanser baharu.

IPPT USM Kampus Bertam adalah hospital agensi kerajaan yang pertama mempunyai pusat brakiterapi di Malaysia yang telah diberi pengiktirafan oleh BrachyAcademy di Netherlands Belanda pada 2020, untuk lima cabang kanser iaitu kanser kepala dan leher, kanser hati, kanser esofagus, kanser prostat dan kanser payudara dengan memenuhi syarat-syarat tertentu.

SAMBUNGAN...

“Saya rasa lebih semangat dan bertenaga menjalani kehidupan seharian berbanding sebelum ini. Berat badan pun dah bertambah.

“Masa mula-mula datang buat rawatan dulu, berat saya sekitar 53 kilogram (kg) berbanding 98 kg sebelumnya. Tapi, sekarang berat badan dah naik sedikit 61 kg dan dijangka akan naik lagi dari masa ke masa,” katanya sambil menambah rawatan HyBIRT yang dijalani itu memakan kos kira-kira hampir RM30,000.

Pemuda asal Kota Bharu, Kelantan ini berkata sepanjang menjalani tempoh rawatan di IPPT USM Kampus Bertam, dia tinggal secara sementara di sebuah inap desa berhampiran kampus bagi memudahkan urusan mendapatkan rawatan di situ.

“Inap desa tersebut telah disediakan oleh Majlis Kanser Nasional (MAKNA) kepada pesakit kanser secara percuma,” katanya.

Perancangan rawatan brakiterapi di IPPT USM Kampus Bertam adalah berasaskan imej CT Scan atau melalui pemeriksaan Magnetic Resonance Imaging (MRI) dan ia diakui sebagai pusat kepakaran brakiterapi di rantau ini apabila telah dianugerahkan akreditasi oleh sebuah institusi brakiterapi yang berpangkalan di Belanda sebagai Pusat Latihan dan Penyelidikan Antarabangsa Brachyacademy (International Educational and Research Center of Brachyacademy).

Pautan : <https://www.utusan.com.my/gaya/kesihatan/2022/03/rawatan-hybirt-elak-pemotongan-lidah/>

Sumber : UTUSAN MALAYSIA

pelatih (secara zoom).

Selain itu, majlis yang di hadiri secara bersemuka dan Zoom, juga dihadiri oleh pakar-pakar, doktor-doktor, staf-staf di hospital dan institusi berkaitan dari luar USM.

Lantikan Profesor Narazah bermula dari Januari 2022. Dengan anugerah ini, Professor Narazah telah diterima sebagai salah seorang ahli di dalam famili Universitas Airlangga, Surabaya, Indonesia dalam usaha sama ke arah menjayakan perancangan dan aspirasi Universitas Airlangga dalam bidang akademik dan penyelidikan.

Warga IPPT merakamkan ucapan setinggi tinggi tahniah kepada Professor Dr. Narazah Binti Mohd Yusoff di atas lantikan beliau sebagai Profesor Adjung di Jabatan Patologi Klinikal, Fakulti Perubatan Universitas Airlangga, Indonesia.

Upacara Inaugurasi telah berlangsung melalui live streaming Youtube <https://www.youtube.com/watch?v=pE5YnIGjNs>. Pada program tersebut Professor Narazah telah menyampaikan ucap tahniah bertajuk “South-East Asia Ovalocytosis (SAO) and Its Clinical Implications”

Tahniah Profesor Dr Narazah!!!



TAHNIAH – LANTIKAN SEBAGAI PROFESOR ADJUNG

IPPT BERTAM, Mac 24 2022

Anugerah ini telah disampaikan oleh Wakil Rektor Bidang Internasionalisasi, Digitalisasi dan Informasi, Dr. Muhammad Miftahussurur bagi pihak Rektor. Pimpinan Universitas

Airlangga lain yang hadir adalah Dekan Fakultas Kedokteran Professor Dr. Budi Santoso, Ketua Jabatan Patologi Klinikal, Dr Yetti Hernaningsih dan Penyelaras Program Patologi Klinikal Dr. Puspa Wardhani, serta Profesor-profesor, doktor-doktor, staf-staf dan pelatih-pelatih Universitas Airlangga.

Di IPPT, majlis di wakili oleh Timbalan Pengarah Akademik dan Antarabangsa Dr. Ida Shazrina binti Ismail dan Professor-profesor, doktor-doktor, staf-staf dan pelatih-



KHIDMAT REHABILITASI ROBOTIK 'HYBRID ASSISTIVE LIMB' (HAL) CYBERDYNE KINI BERADA DI IPPT

IPPT BERTAM, Mac 1 2022 -

Institut Perubatan dan Pergigian Termaju (IPPT) Universiti Sains Malaysia (USM) kini menawarkan perkhidmatan rehabilitasi robotik 'Hybrid Assistive Limb' (HAL) yang akan memberi manfaat kepada pesakit yang mencarum melalui PERKESO di seluruh wilayah utara mulai 1 Mac 2022.

Hasil daripada kerjasama Universiti Sains Malaysia (USM) dan Pertubuhan Keselamatan Sosial PERKESO ini, Klinik Neuro-Robotik & Cybernics, di bawah Unit Senaman dan Rehabilitasi IPPT, USM kini bersedia untuk menerima pesakit yang mempunyai kecederaan otak, strok, dan sebagainya.

Bermula di HUSM Kubang Kerian, perkhidmatan rehabilitasi robotik HAL ini telah dijalankan sejurus satu Memorandum Perjanjian (MOA) di antara USM dan PERKESO yang dimeterai pada 30 Ogos 2019 lalu.

Melihat kejayaan dalam perkhidmatan rehabilitasi robotik HAL di HUSM Kubang Kerian ini, pada hujung tahun 2020 pihak PERKESO telah menghubungi pihak IPPT untuk bekerjasama dalam melebarkan perkhidmatan rehabilitasi robotik HAL ini ke seluruh wilayah utara.

Seramai enam jurupulih perubatan IPPT, USM iaitu Encik Muhammad Akasyah Baharum, Encik Muhammad Farid Amir Abdul Rahman, Encik Muhammad Hazim Hussin, Puan Noor Farahiya Nisman, Puan Noor Hazifah Mat, dan Puan Nurul Izzati Ghzali merupakan jurupulih yang bertauliah bagi mengendalikan sistem robotik HAL Cyberdyne ini setelah menjalani latihan keselamatan menggunakan Cyberdyne di Pusat Rehabilitasi Perkeso Melaka pada 14 hingga 19 Februari yang lalu.

Cybernics adalah domain sains baharu yang berpusat pada cybernetic, mekatronik, dan informatik. Ia menyepadukan manusia, robot dan teknologi maklumat.

Bidang sains ini dedikasi kepada pembangunan teknologi yang menyumbang kepada pergerakan manusia dengan menggabungkan kepelbagaian disiplin di mana robotik, neurosains, ergonomik, sains masyarakat, kejuruteraan Kansei, fisiologi, dan etika saling berkait rapat.

Sistem robotik HAL adalah sejenis sut robot (wearable robot atau 'cyborg') ciptaan Cyberdyne Inc. Tsukuba, Jepun. Ia berkemampuan untuk mengenalpasti dan menganalisa signal bio-elektrik pada permukaan kulit pesakit dan seterusnya menentukan otot 'skeletal' yang mana perlu digerakkan dan seterusnya mengawal atur sendi yang akan membantu pergerakan otot mengikut koordinasi dan kemampuan pesakit.

MENURUT PENYELARAS PROJEK IPPT & PERKESO IAITU DR. HAZWANI AHMAD YUSOF@HANAFI, HASIL KOLABORASI DI ANTARA PIHAK IPPT DAN PERKESO INI, USM TELAH MENYEWA 6 UNIT HAL IAITU 3 UNIT HAL LOWER LIMB (L, M, S), 2 UNIT HAL SINGLE JOINT (LEFT, RIGHT) DAN 1 UNIT HAL LUMBAR BAGI PERKHIDMATAN REHABILITASI ROBOTIK HAL DI IPPT BERTAM.



"PERKHIDMATAN ROBOTIK HAL CYBERDYNE BERTEKNOLOGI TINGGI INI HANYA TERDAPAT DI BEBERAPA PUSAT PEMULIHAN PERUBATAN DI MALAYSIA. SAYA HARAP PERKEMBANGAN PERKHIDMATAN ROBOTIK INI DAPAT MEMBERI INSPIRASI KEPADA JURUPULIH PERUBATAN DI IPPT UNTUK MENEROKA STRATEGI PEMULIHAN YANG NOVEL DAN BERKESAN, SERTA PENCIPTAAN TEKNOLOGI REHABILITASI YANG CANGGIH SEPERTI HAL CYBERDYNE," UJAR DR. OOI CHEONG HWA, KETUA UNIT SENAMAN DAN REHABILITASI IPPT

Untuk sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut mengenai perkhidmatan ini, sila hubungi Unit Senaman dan Rehabilitasi IPPT di talian +604-5622362.



Achievement

USMFIT Rencana Lebih Banyak Aktiviti Pada 2022

IPPT BERTAM, Februari 23 2022

Program #USMFIT masih kekal aktif dengan pelbagai program dijalankan sepanjang tahun 2021 lalu, walaupun negara masih berada di fasa pandemik Covid-19 yang juga melanda di peringkat global masa kini.

Program #USMFIT ini dinaungi Naib Canselor YBrs. Prof. Dato' Dr. Faisal Rafiq Mahamd Adikan dan Prof. Dr. Md. Roslan Hashim, Timbalan Naib Canselor, Bahagian Kelestarian dan Pembangunan Institusi sebagai Penasihat.

Jawatankuasa Program ini dipengerusikan oleh Prof. Madya Dr. Norehan Mokhtar dan Prof. Madya Dr. Ahmad Munir Che Muhamed sebagai Timbalan Pengerusi. Ahli jawatankuasa Program #USMFIT pula terdiri daripada gabungan staf USM Kampus Induk, Kampus Kesihatan dan IPPT.

Menurut Norehan, selaku pengerusi #USMFIT sepanjang tahun 2021, lebih kurang 14 program telah berjaya dijalankan di bawah

beliau dan tambahan program di antaranya adalah 130K Steps Sustainability Challenge, RCE Penang Virtual Fun Run, World Radiography Day 2021, Virtual 120K Steps Challenge dan bermacam lagi program yang dijalankan dengan kerjasama pelbagai PTJ bagi menayakan program 'virtual challenge' ini.

Dalam laporan tahunan #USMFIT ini juga, mereka menasarkankan kepada golongan staf dan pelajar USM serta orang awam, dengan program sebegini bertujuan memberi motivasi kepada semua golongan tentang betapa pentingnya menjaga kesihatan dan matlamat dapat dicapai dengan membudayakan gaya hidup lebih sihat.

Kelancaran dalam setiap program yang dijalankan sewaktu pandemik juga mendapat tempat dan sambutan dari warga USM, dengan menggunakan aplikasi khas #USMFITActiv yang disediakan amat membantu dan memudahkan peserta.



Pengerusi USMFIT
Prof. Madya Dr. Norehan Mokhtar

Selain itu, program ini bertujuan untuk membantu staf USM meningkatkan kesihatan dan mengekalkan kesejahteraan di tahap optimum bagi mengurangkan tekanan di tempat kerja mahupun di rumah dan sekaligus dapat memantau tahap kesihatan serta aktiviti fizikal staf.

Lebih menarik, melalui aplikasi yang disediakan di bawah program #USMFITActiv, pengguna aktif juga boleh mendapatkan perkhidmatan bimbingan diet dari pakar-pakar nutrisi seperti kiraan kalori, diari pemakanan harian dan ini dipantau oleh pakar sepanjang tempoh program ini berjalan.

Program yang berjalan dari bulan Januari sehingga Februari ini turut mendapat

kerjasama Penerbit USM, sempena sambutan ke-50 tahun Penerbit USM iaitu program 50K Langkah Kempen Malaysia Negara Membaca, dengan tujuan utama program ini dijalankan adalah untuk memupuk budaya hidup sihat dengan meningkatkan literasi kesihatan rakyat dan memperkasa penjagaan kesihatan sendiri untuk pencegahan penyakit.

CONGRATULATIONS ON YOUR APPOINTMENT!

IPPT BERTAM, January 13 2022 –

We would like to congratulate Dr. Teoh Soo Huat on your new appointment of members to the Obesity Medicine Association (OMA) for the 2022 term year. We wish you every success in your new duties.

The Obesity Medicine Association (OMA) is the largest organization of physicians, nurse practitioners, physician assistants, and other health care providers working every day to improve the lives of patients affected by obesity. OMA members are the clinical experts in obesity medicine. They use a comprehensive, scientific, and individualized approach when treating obesity, which helps patients achieve their health and weight goals.



Dr Teoh Soo Huat

USM 59th Convocation Ceremony

S2 21 MEI 2022
S3 22 MEI 2022
S3 23 MEI 2022

CONGRATULATIONS To All AMDI Graduates



USM 59th Convocation Ceremony

S2 21 MEI 2022

S3 22 MEI 2022

S3 23 MEI 2022



CONGRATULATIONS
To All AMDI Graduates



Dr. Mohammad Farris Iman Leong Abdullah

Agensi Luar (Geran Antarabangsa)

Projek:

1) The Intrinsic Roles of ER Stress Sensors in the Mechanism Underlying the Depressive Symptoms and Kratom Dependence in Chronic Kratom Users

Jumlah geran = RM 64,474.20

2) The Efficacy of Probiotic Compared with Placebo and Acceptance and Commitment Therapy for the Treatment of Major Depressive Disorder

Jumlah geran = RM 10,350.00



Dr. Hafizuddin Mohamed Fauzi

Agensi Luar (Geran Antarabangsa)

Projek:

1) The Role of Advanced Red Blood Cell Parameters for Detection of Latent Iron Deficiency Among Regular Whole Blood Donors

Jumlah Geran = RM 13,867.30

2) The Role of Advanced Red Blood Cell Parameters for Detection of Beta Thalassaemia Trait Among Regular Whole Blood Donors

Jumlah Geran = RM 27,375.70



Dr. Eva Nabiha Zamri

Geran Jangka Pendek

Projek:

Effects of psychological symptoms on low back pain and work productivity among academic staff

Jumlah Geran = RM 39,500.00



Dr. Asmida Isa

Geran Jangka Pendek

Projek:

Characterising the Metabolic Program of t(8;21)-Positive Acute Myeloid Leukaemia

Jumlah Geran = RM 38,600.00

TAHNIHAH

SENARAI PENERIMA GERAN

(Januari - Jun 2022)

USM AND CMUH TAIWAN SIGNED MOU TO PROMOTE ACADEMIC EXCHANGE

IPPT, BERTAM, May 6 2022 -

The Universiti Sains Malaysia (USM) Advanced Medical and Dental Institute (AMDI) in Bertam recently signed a Memorandum of Understanding (MoU) with the China Medical University Hospital (CMUH) Taiwan.

The MoU was signed through a virtual ceremony conducted using the Webex video conferencing platform, and streamed live in the official AMDI Facebook.

The purpose of the signing was to initiate collaboration between fellow institutions with the hope that it will result in promoting academic exchange, joint scientific research and the development of cutting-edge ideas that will be of benefit to the surrounding communities.



USM Vice-Chancellor, Professor Dato' Dr. Faisal Rafiq Mahamd Adikan symbolically put his signature in this ceremony, witnessed by the Director of AMDI, Professor Dr. Tunku Kamarul Zaman Tunku Zainol Abidin.

"We do not want to rest on our laurels and will continue with bold initiatives to attract more international students." "We look forward to not only work together in the clinical and academic realm, but also in exploring potential research opportunities between both parties, to further develop this collaboration for mutual benefits," said Faisal Rafiq.

During the pandemic in 2020/2021, USM recorded a successive year of growth in international students' intake and enrolment, even with the restrictions imposed on cross-border movements.

"I too, would like to extend my thanks for this opportunity in signing the MoU to benefit each other, and we plan to have more Taiwan-Malaysia collaborations in many other areas and on current medical issues," said Dr. Der-Yang Cho, Superintendent of CMUH.

IPPT USM Dan MYPOPI Berkolaborasi Di Bengkel Latihan SCIG

IPPT, BERTAM, Mac 7 2022 -

Unit Immunodefisiensi Primer, Institut Perubatan Dan Pergigian Termaju (IPPT) Universiti Sains Malaysia (USM) telah menjalankan satu bengkel latihan "Subcutaneous Immunoglobulin (SCIG) Replacement Therapy" kolaborasi bersama Persatuan Pesakit Immunodefisiensi Primer Malaysia (MYPOPI).

Rawatan ini merupakan teknik yang pertama di USM dan kedua berada di Malaysia, dan ini secara tidak langsung membuktikan kemajuan yang memberangsangkan dalam perawatan kepada Pesakit Immunodefisiensi Primer (PID) di Malaysia.

Dr Intan Juliana Abd Hamid (Pakar Pediatrik Imunologi dan Alergi) merupakan penceramah pada hari tersebut, di mana bengkel ini dibuat secara dalam talian dan juga sesi 'hands-on', dan telah dihadiri seramai 74 peserta yang terdiri dari kakitangan profesional kesihatan seperti Pakar Kanak-Kanak, Pegawai Perubatan, Jururawat Terlatih dan Pelajar Sarjana Perubatan Pediatrik, selain ibubapa pesakit.

Bengkel ini bertujuan meningkatkan pengetahuan staf mengenai rawatan penggantian immunoglobulin 'subcutaneous' melalui komunikasi berkesan, latihan dan pendidikan serta memberi kefahaman dan kesedaran kepada staf kesihatan terhadap kesan rawatan ini kepada pesakit kekurangan imun primer.

Pesakit Immunodefisiensi Primer (PID) merupakan pesakit yang tidak dapat menghasilkan antibodi atau antibodi tidak dapat berfungsi dan melalui rawatan penggantian immunoglobulin, ianya dapat membantu pesakit PID.



KLINIK NEURO-ROBOTICS & CYBERNICS JALINAN USAHASAMA USM DAN PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL (PERKESO)

PPT, BERTAM, June 7 2022 -

Menghadapi kesukaran bergerak seperti normal memang tak mudah, kebanyakan mereka yang mula datang menerima rawatan pemulihan dilihat sedih, buntu, kecewa, trauma, kerana diri tidak mampu berdikari seperti orang normal yang lain.

Namun begitu, siapa sangka, selepas beberapa sesi pemulihan di Klinik Neuro-Robotics & Cybernics, Institut Perubatan dan Pergigian Termaju (IPPT), Universiti Sains Malaysia (USM), mereka ini mampu tersenyum gembira kerana akhirnya boleh melangkah dan berjalan seperti mereka yang normal.

Mula beroperasi pada 1 Mac 2022, Klinik Neuro-Robotics & Cybernics, IPPT adalah satu-satunya unit rehabilitasi berpusat di hospital universiti utara semenanjung Malaysia yang dilengkapi dengan pelbagai peralatan robotik yang tercanggih bagi membantu proses rawatan rehabilitasi pesakit.

Di Klinik Neuro-Robotics & Cybernics, IPPT, rawatan rehabilitasi neurologi adalah menggunakan teknologi neuro-robotik terkini iaitu teknologi Cybernics yang ada pada robot Hybrid Assistive Limb (HAL).

Penubuhan Klinik Neuro-Robotics & Cybernics ini adalah usahasama antara USM dan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO).

Menurut Timbalan Pengarah Klinikal, Kelestarian dan Piawai, IPPT USM, Dr Noor Khairiah A. Karim, para pesakit juga boleh mendapatkan perkhidmatan rehabilitasi yang lain di Klinik Neuro-Robotics & Cybernics seperti rawatan fisioterapi, pemulihan kecederaan saraf tunjang, pemulihan carakera dan perkhidmatan prosthesis & ortosis.

Dari berkerusi roda ke berjalan tanpa bantuan

Au Boon Choong, 55 tahun, merupakan antara salah seorang antara 36 orang pesakit yang telah menerima rawatan di Klinik Neuro-Robotics & Cybernics, IPPT, USM.

Beliau telah disahkan mengalami angin ahmar pada sebelah kanan tubuhnya pada April 2022, setelah mengalami kesakitan luar biasa ketika sedang berehat di rumah.

“Emosi sangat terganggu ketika itu kerana risaukan keadaan diri kerana saya sebatang kara. Sebagai pencarum berinsurans PERKESO, pihak PERKESO mencadangkan agar saya menjalani rawatan pemulihan di klinik ini kerana lokasinya adalah dekat dengan tempat tinggal saya. Syukur setelah lebih dua minggu di sini, keupayaan fizikal saya bertambah baik sekarang dan saya mampu untuk berdikari sendiri” katanya yang kini mampu untuk berjalan tanpa sebarang alat bantuan dan kembali aktif melakukan senaman aerobik.



Au Boon Chong yang berterima kasih kepada USM dan PERKESO atas layanan dan peluang yang diberikan kepada beliau

Teknologi Cybernics akan mengesan 'isyarat bio-elektrik' yang dihantar dari otak ke otot pesakit seterusnya membina semula rangkaian ketersambungan saraf dan menjana semula fungsi otak-neuro-fizikal pesakit menyebabkan sistem muskuloskeletal, termasuk sendi pesakit akan bergerak dengan sendirinya.

SAMBUNGAN...

Bagi Muhammad Adam Shahifudin, 21 tahun, pula, beliau sangat menghargai layanan mesra yang diberi oleh jurupulih perubatan anggota atau fisioterapi dan jurupulih perubatan carakera profesional di Klinik Neuro-Robotics & Cybernics, IPPT, USM, kerana banyak membantu dirinya sepanjang menjalani rawatan sejak tiga minggu lepas.

“Saya mengalami kemalangan jalan raya dan pernah terlantar tanpa sedar selama tiga bulan pada Mac 2021 dan menyebabkan saya sukar untuk berdiri, berjalan kerana otot mengecut dan semakin lemah. Malah pergerakan saya sangat terganggu kerana sentiasa perlu dibantu untuk bergerak”.

“Dengan bantuan PERKESO, saya dirujuk ke sini. Ianya seperti peluang kedua saya untuk mengecapi nikmat hidup dan memperbaiki diri. Banyak perkara yang dapat saya lakukan di mana sebelum ini saya betul-betul telah pasrah dan redha dengan nasib saya,” katanya yang kini sedang menerima rawatan di Klinik Neuro-Robotics & Cybernics, IPPT, USM.

SAMBUNGAN



Kini Adam semakin ceria dan mampu untuk membantu pesakit lain menerima rawatan rehabilitasi di IPPT, USM

Sementara itu, menurut Dr Hazwani Ahmad Yusof@Hanafi, Ketua Projek Klinik Neuro-Robotics & Cybernics, IPPT, USM, beliau berharao agar lebih ramai lagi pencarum berinsurans PERKESO dan pesakit awam yang diuji dengan masalah kesihatan fizikal dapat dirawat di Klinik Neuro-Robotics & Cybernics, IPPT, USM.



Pesakit menjalani rawatan fisioterapi dengan menggunakan Robot Hybrid Assistive Limb di Klinik Neuro-Robotics & Cybernics, IPPT, USM.



Dr Hazwani Ahmad Yusof@Hanafi (duduk dua dari kiri) bersama pasukan Klinik Neuro-Robotics & Cybernics, IPPT, USM IPPT, USM

IPPT USM Lancar Tabung Paliatif Di Majlis Jamuan Hari Raya IPPT

IPPT, BERTAM, May 20 2022 -

Majlis Pelancaran Tabung Pembinaan Bangunan Paliatif Institut Perubatan Dan Pergigian Termaju (IPPT) Universiti Sains Malaysia (USM) telah dirasmikan oleh Pengerusi Lembaga Gabenor USM, Dato' Seri Dr. Awang Adek Hussin dalam majlis jamuan Hari Raya Aidilfitri di IPPT hari ini.

Perancangan pembinaan bangunan paliatif ini adalah sejajar dengan saranan World Health Organization (WHO) untuk memperbaiki akses kepada usaha perawatan paliatif sebagai komponen asas sistem kesihatan.

"Saya secara peribadi amat menyokong inisiatif Unit Paliatif IPPT untuk memulakan kutipan dana bagi projek pembinaan bangunan paliatif. Besarlah harapan saya agar projek ini akan mencapai kejayaan sepertimana yang dirancang," ujar beliau.

Selain itu juga, kemeriahan majlis jamuan Hari Raya IPPT ini ditambah dengan kehadiran Naib Canselor USM, Profesor Dato' Dr. Faisal Rafiq Mahamd Adikan sendiri serta mengiringi beliau, Pengarah IPPT, Profesor Dr. Tunku Kamarul Zaman Tunku Zainol Abidin, Dr. Noor Khairiah A. Karim dan pegawai-pegawai jawatankuasa Pengurusan Tertinggi USM dan IPPT.

Objektif utama majlis pelancaran tabung ini dijalankan adalah untuk menumpukan kepada perawatan paliatif bagi meningkatkan kualiti hidup dalam kalangan pesakit yang menghadapi penyakit serius dan tiada harapan sembuh, membantu meringankan beban sistem kesihatan terhadap penjagaan pesakit paliatif dengan menyediakan ruang khas rawatan dan memberi sokongan dan bimbingan kepada ahli keluarga.

"Pendekatan holistik yang

diamalkan oleh perubatan paliatif dapat memastikan sokongan dan persediaan kepada pesakit dan juga ahli keluarga untuk menghadapi simptom dan komplikasi yang akan berlaku sehingga ke akhir hayat mereka," kata Faisal Rafiq.

Dalam majlis pelancaran tabung ini juga pihak IPPT telah menerima sumbangan dari wakil En Nashurul Mohd Zain, Setiausaha Pertubuhan Pengurusan Jenazah Islam, Hospital Pulau Pinang sebanyak RM 10,000 (Bilik Jenazah), Puan Norina Aziz, Pengurus I-Care Shop - Badan Sokongan Pesakit Kanser sebanyak RM 10,000 (Bilik Menunggu, Pantri Pesakit dan Famili) dan Puan Zuraini Kamal, Pengerusi Pertubuhan Cancer Survivors Malaysia sebanyak RM 10 000 (Alatan Perubatan).

Perkhidmatan Paliatif ini juga dilihat dapat membuka peluang untuk menjalin kerjasama di antara IPPT dan badan kebajikan, pertubuhan sosial yang terlibat dalam aktiviti sokongan pesakit kanser dan paliatif, syarikat swasta, badan bukan kerajaan, dan juga pasukan perubatan paliatif KKM.

"Marilah kita menyokong usaha murni ini dan menghebahkan kutipan sumbangan dana untuk pembinaan bangunan paliatif IPPT USM demi mewujudkan sistem perkhidmatan kesihatan yang lebih holistik dan bersepadu," ujar Tunku Kamarul Zaman.

Kos keseluruhan pembinaan bangunan paliatif ini bernilai RM 2.5 juta, bagi bangunan yang berukuran 6,900 kaki persegi dan mempunyai 10 buah bilik.

Seterusnya, perkhidmatan yang disediakan adalah bilik- bilik yang selesai untuk menempatkan pesakit dan ahli keluarga, pegawai dan pakar perubatan, klinik paliatif, bilik prosedur, dewan aktiviti berkaitan paliatif bersama keluarga pesakit dan lain-lain lagi.



Dato' Seri Awang Adek menandatangani plak di Majlis Pelancaran Tabung Paliatif



Jom Kenali IPPT, Agar Lebih Dekat Di Hati

IPPT BERTAM, April 7 2022 -

Setiap perkenalan, pastinya diselit bersama sebuah pengalaman baru dan itulah yang ingin dilaksanakan oleh pihak Institut Perubatan dan Pergigian Termaju (IPPT) di dalam usaha memperkenalkan IPPT kepada masyarakat menerusi program "KARNIVAL IPPT, USM BERSAMA KOMUNITI DAN PELANCARAN WAKAF PUSAT KOMUNITI IPPT" yang lalu.

Pengarah IPPT Profesor Dr. Tunku Kamarul Zaman Tunku Zainol Abidin, di dalam ucapan perasmianya berkata masyarakat di negara ini perlu komited untuk menjadi nadi dan tunjang keharmonian hubungan antara kaum bagi memastikan nikmat perpaduan dapat dikecapi sehingga ke generasi akan datang.

"Saya percaya apabila berlaku integrasi kaum, ia mampu memupuk semangat perpaduan, keharmonian pelbagai kaum dan cintakan negara," katanya.

Menurut beliau lagi, di hari yang mulia ini juga, marilah bersama-sama rehatkan minda anak-anak kita daripada gajet dan permainan video dengan melakukan aktiviti yang lebih sihat dan bermanfaat.

Turut hadir di dalam majlis perasmian Karnival IPPT, USM Bersama Komuniti dan Pelancaran Wakaf Pusat Komuniti IPPT ialah Yang Berbahagia Datuk Dr Awang Adik Hussien, Pengerusi Lembaga Gabenor (LGU) USM.

"Pusat Komuniti IPPT dibangunkan secara wakaf untuk manfaat waris dan tetamu yang berkeperluan menginap dan berehat dengan selesa, di samping dapat menyertai aktiviti-aktiviti yang dijalankan di Pusat Komuniti IPPT. Ia juga dilengkapi dengan kemudahan seperti taska,

Akreditasi ini suatu kebanggaan dan pengiktirafan yang sangat tinggi kerana USM merupakan satu-satunya pusat brakiterapi yang menerima akreditasi ini di Malaysia di mana terdapat hanya tiga sahaja di seluruh Asia.

dewan seminar dan bilik pengurusan jenazah untuk kategori penyakit berjangkit."

"Bersempena Minggu Kesedaran Kanser, saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan syabas dan tahniah kepada IPPT USM kerana mengambil inisiatif dalam memberi kesedaran kepada orang ramai tentang penyakit kanser ini," tambah beliau.

Selain itu, beliau menyeru orang ramai tanpa mengira latarbelakang dan agama untuk tampil mengambil peluang pada hari ini untuk bersama sama menyumbang kepada dana wakaf Pusat Komuniti IPPT ini.

Karnival ini bertujuan untuk mendekatkan IPPT USM kepada komuniti sekitar dan diharapkan ia akan memperluaskan perkhidmatan yang ditawarkan oleh IPPT USM untuk manfaat warga komuniti.

Karnival ini juga telah diserikan dengan adanya pelbagai acara menarik seperti pertandingan poster, pertandingan teka silang kata, pertandingan mewarna dan pelbagai aktiviti kanak-kanak, serta tidak ketinggalan aktiviti pemeriksaan kesihatan dan kempen derma darah.

Selain itu, tarikh 28 Mac 2022 bakal menyaksikan Pengisytiharan Akreditasi Pusat Latihan dan Penyelidikan Antarabangsa Brachyacademy di

IPPT, hasil pengiktirafan sebuah badan antarabangsa yang berpangkalan di Belanda.

Turut hadir adalah Dato' Seri Farizan Darus, Ahli Lembaga Gabenor (LGU) Universiti Sains Malaysia; Ustaz Mohammad Shukri Bin Osman, Pengarah Pusat Islam; dan Dr. Noor Khairiah A. Karim, Pengerusi Jawatankuasa Karnival IPPT, USM Bersama Komuniti.



AMDI STUDENT ASSOCIATION (ASA) ACTIVITIES

OPEN DAY

On 26 of January 2022, ASA has organized Open Day at Animal Research Complex (ARC), IPPT. The aim of this program was to introduce planned upcoming activities for the academic session of 2021/2022 to all the students and staffs of ARC.

All the students who participated were given a free meal sponsored by AMDI Academic Office. Lucky draw session was held at the end of the program where 10 lucky participants received interesting prizes. All in all, this program was a great success as we received great participation from the students and staffs of ARC.



Participants of Open Day (with their mask on) gathered around for photography session on at the end of the programme



ASA Committee Members are explaining enthusiastically about upcoming activities to the participants



Lucky draw prizes were given out by Dr Kumitaa to 10 lucky participants.

IFTAR WITH ASA

On 8th of April 2022, ASA has organized an Iftar at IPPT. The aim of this program is to strengthen the relationship among IPPT students.

Various types of foods and drinks were served for the participants. Barbeque session and games were also organized during the programme. All in all, this was a great success as we received great participation from the students of IPPT. We would like to extend our heartfelt gratitude to our sponsors without whom this event would not have been possible: AMDI Academic Office, Pus at Islam USM, Engineering Unit of IPPT and our dear lecturers of IPPT.



Barbeque station where hot and delicious BBQ chicken were produced



Female participants gathered around for photography session when the rainbow decides to make an appearance.



Male participants gathered around for photography session



Fellow participants are enjoying their meal together

GAME OF BOWLING

